

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI
SALLEH [PASIR PUTEH]**

SOALAN

DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI SALLEH [PASIR PUTEH] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan adakah pihak Kementerian akan memperkenalkan dasar baharu seperti “cukai pengekstrakan data” ke atas syarikat berstatus Unicorn seperti Grab dan Amazon dalam memasuki pasaran digital Malaysia bagi mengelakkan mereka secara bebas dan rakus mengekstrak data pengguna di Malaysia di samping melindungi usahawan digital di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709) di bawah **Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP)** bertujuan untuk mengawalselia pemprosesan data peribadi individu yang terlibat dalam urus niaga komersial oleh Pengguna Data untuk mengelak dari disalahguna atau disalahpakai oleh pihak-pihak yang berkepentingan.
2. Akta 709 yang berkuat kuasa mulai 15 November 2013 telah mewajibkan pendaftaran Pengguna Data yang tergolong di bawah 13 golongan Pengguna Data sebagai salah satu mekanisme pematuhan di dalam pelaksanaannya. Selain itu, JPDP juga telah mengeluarkan Standard Perlindungan Data Peribadi (PDP) yang menetapkan kehendak minimum yang perlu dipatuhi oleh Pengguna Data iaitu Standard Keselamatan, Standard Penyimpanan dan Standard Integriti Data.
3. Setakat ini, Kementerian ini tiada perancangan untuk memperkenalkan sebarang cukai di bawah Akta 709.
4. Namun demikian, pada masa kini, pengguna data yang tersenarai di bawah 13 Golongan Pengguna Data adalah diwajibkan untuk mendaftar di bawah Akta 709 dengan membayar fi pendaftaran mengikut jenis pertubuhan iaitu RM100 bagi pemilikan tunggal, RM200 bagi perkongsian, RM300 bagi sendirian berhad dan RM400 bagi berhad.